

2 Jam 15 Minit

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.*
2. *Jawab **lima** soalan daripada **Bahagian A** , **dua** soalan di **Bahagian B** dan **satu** soalan **wajib** di **bahagian C**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
6. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas ini mengandungi 11 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

Bahagian A
[50 markah]

Jawab lima soalan sahaja

- 1 (a) Gambar berikut berkaitan dengan dua buah perniagaan.



Gambar A



Gambar B

Terangkan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh kedua-dua gambar di atas. [5 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Cekap Sdn Bhd.

Nama Perniagaan	: Syarikat Cekap Sendirian Berhad
Alamat	: Lot 2021 Kawasan Perindustrian Chendering, Kuala Terengganu.
Jualan Tahun 2020	: RM 10 juta
Bilangan Pekerja Tetap	: 50 orang
Aktiviti Pasaran	: Menyediakan perkhidmatan penghantaran barang ke seluruh negara.

- (i) Apakah saiz perniagaan Syarikat Cekap Sendirian Berhad? [1 markah]
- (ii) Terangkan cabaran yang dihadapi oleh perniagaan di 1 (b) (i). [4 markah]

2 (a) Bagaimanakah inflasi boleh berlaku. [2 markah]

(b) Dialog berikut menunjukkan gaya pengurusan Encik Amin dan Puan Shira.


Encik Amin : Saya sentiasa memberi peluang dan kebebasan sepenuhnya kepada pekerja saya untuk memberi idea dan membuat keputusan dalam kerja. Saya percaya dan yakin pekerja saya boleh melakukan kerja dengan cemerlang.

Puan Shira : Saya tidak begitu Encik Amin, saya lebih suka membuat keputusan sendiri dan pekerja hanya perlu ikut arahan sahaja. Saya ingin pastikan matlamat yang ditetapkan dapat dicapai tepat pada masanya.

Terangkan gaya pengurusan yang diamalkan oleh Encik Amin dan Puan Shira.

[4 markah]

(c) Rajah 1 menunjukkan perubahan tingkat jualan yang berlaku kepada Syarikat Smentari Sdn Bhd mengeluarkan produk minuman kesihatan.



Jelaskan faktor-faktor luaran yang mempengaruhi perubahan trend persekitaran perniagaan tersebut.

[4 markah]


- 3 (a) Visi yang mantap dalam perniagaan amat penting. Jelaskan. [2 markah]
- (b) Berikut adalah dialog antara dua orang rakan perniagaan.

En. Nasir : Jualan perniagaan saya sejak kebelakangan ini tidak begitu baik nampaknya.
En Lim : Jangan risau, saya akan cuba bantu awak. Saya akan terangkan cara untuk awak boleh tingkatkan hasil jualan.

Terangkan kepada En. Nasir langkah-langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan hasil jualan perniagaannya. [4 markah]

- (c) Pengurusan paten adalah sebahagian daripada sumber teknologi. Mengapakah usahawan perlu menguruskan paten bagi ciptaan sesuatu produk? [4 markah]

- 4 (a) Mengapakah sumber pembiayaan luaran menjadi pilihan utama peniaga? [3 markah]
- (b) Gambar di bawah menunjukkan sejenis aset perniagaan.



Gambar 1

Cadangkan jenis pembiayaan yang sesuai bagi membeli aset di atas. [4 markah]

- (c) Jelaskan kekurangan membuat pinjaman daripada bank atau institusi kewangan. [3 markah]

- 5 (a) Mengapakah laman sosial menjadi pilihan ramai peniaga? [4 markah]
- (b) Gambar 2 di bawah menunjukkan tugas yang dilakukan pada bahagian fungsian dalam perniagaan Terus Niaga Sdn.Bhd.



Gambar 2

- Terangkan maksud bahagian fungsian dalam gambar 2. [4 markah]
- (c) Jelaskan proses komersialisasi yang merupakan langkah terakhir pembangunan produk baharu sebelum dipasarkan. [2 markah]

6. (a) Jelaskan perbezaan antara interaksi perniagaan kecil dengan perniagaan besar. [4 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Cik Rohayu seorang pekerja di sebuah syarikat.

Cik Rohayu merupakan seorang eksekutif kewangan dari Syarikat Puncak Purnama Sendirian Berhad. Pada setiap penghujung tahun, Cik Rohayu dikehendaki mengemaskini dan menyediakan penyata kewangan bagi tahun kewangan 2020.

Mengapakah penyata kewangan tersebut perlu disediakan oleh Cik Rohayu? [4 markah]

- (c) Gambar berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.



Gambar 3

Jelaskan jenis kos yang terlibat dalam gambar 3. [2 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

7 Maklumat berkaitan dengan Syarikat KITE Sdn. Bhd.

Syarikat KITE Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang mengeluarkan pelbagai jenis bahan cucian pakaian. Jualan syarikat KITE telah meningkat setiap tahun. Semua pekerja seramai 50 orang telah mengikuti kursus dan ditempatkan di fasiliti yang bersesuaian. Semua pekerja Syarikat Kite Sdn. Bhd menerima upah yang berbeza mengikut prestasi kerja masing-masing. Untuk menghargai sumbangan pekerja, pekerja dibayar bonus tunai sebagai penghargaan pada akhir tempoh tertentu berdasarkan kemampuan syarikat. Syarikat juga membiayai kos perubatan kepada pekerja melalui klinik panel yang disediakan. Syarikat KITE Sdn Bhd juga menyediakan tempat penginapan bagi pekerja.

- (a) Jelaskan aspek pengelolaan sumber manusia yang diamalkan oleh Syarikat KITE Sdn. Bhd. [4 markah]
- (b) Berdasarkan pernyataan di atas, terangkan jenis-jenis faedah yang diterima oleh pekerja Syarikat KITE Sdn. Bhd. [4 markah]
- (c) Terangkan faktor penentu sistem penggajian yang diterima oleh pekerja Syarikat KITE Sdn. Bhd. [7 markah]

8 Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan yang diusahakan oleh Puan Julia.

Puan Julia adalah seorang pemilik kedai menjual cenderahati, Beauty Gift di Kuala Terengganu. Beliau telah menjalankan perniagaan ini selama 5 tahun dan mempunyai ramai pelanggan tetap.

Objektif perniagaan beliau ialah untuk membuka cawangan kedainya di setiap daerah di negeri ini dalam jangkamasa 10 tahun. Beliau juga menyasarkan peningkatan jualan sebanyak 5% setiap bulan.

Bersesuaian dengan pandemik yang melanda negara pada masa kini, beliau menjalankan perniagaan secara atas talian. Puan Julia menerima tempahan melalui pelbagai medium seperti whatsapp dan emel. Peralatan untuk hadiah dan bunga juga ditempah secara atas talian oleh Puan Julia kepada pembekal-pembekalnya.

Puan Julia bercadang untuk membuka cawangan baru di Dungun. Anggaran kos ialah sebanyak RM50,000 diperlukan. Beliau bercadang untuk mendapatkan pembiayaan luaran.

- (a) Terangkan ciri-ciri yang menepati objektif syarikat yang baik [6 markah]
- (b) Terangkan sumber fizikal yang terdapat dalam situasi di atas. [4 markah]
- (c) Jelaskan kepada Puan Julia prosedur yang dilakukan untuk mendapatkan sumber pembiayaan perniagaannya. [5 markah]

9. Maklumat berikut berkaitan dengan pengurusan sebuah syarikat pengeluaran makanan sejuk beku.

Puan Fatimah seorang eksekutif Perniagaan Faty Frozen Food Sdn Bhd yang telah memulakan perniagaan karipap pusat pelbagai perisa sejak lebih 20 tahun yang lalu.

Puan Fatimah telah menghubungi Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk mendapat khidmat nasihat. Pegawai MARA telah menyarankan kepada Puan Fatimah supaya menyediakan satu rancangan perniagaan berkaitan perniagaan yang dijalankan.

Karipap pusatnya mendapat tempahan meluas dari beberapa pembekal di Johor dan Melaka. Puan Fatimah sangat mengambil berat kebajikan pekerjaannya.

Ciri-ciri keperibadian usahawan dan strategi campuran pemasaran yang berkesan telah membawa Syarikat Faty Frozen Food memperolehi keuntungan yang lumayan setiap tahun.

- (a) Terangkan manfaat saranan Pegawai MARA kepada Puan Fatimah supaya menyediakan rancangan perniagaan. [6 markah]
- (b) Bagaimanakah ciri-ciri keperibadian hebat yang ada pada diri Puan Fatimah bagi membolehkan beliau berjaya menerajui perniagaan makanan sejuk beku. [5 markah]
- (c) Terangkan strategi campuran pemasaran yang digunakan oleh Syarikat Faty Frozen Food untuk memperkukuhkan perniagaannya. [4 markah]

Bahagian C


[20 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab

10. Haziq & Haiqal Cleaning Services telah memulakan operasi perniagaan pada 1 Januari 2016 dengan aktiviti utama sebagai pusat cucian kereta sahaja. Pusat cucian ini beroperasi di Kawasan Perindustrian Chendering, Kuala Terengganu.

Setelah dua tahun beroperasi, perniagaan ini mencatatkan peningkatan keuntungan yang memberangsangkan. Haziq dan Haiqal telah membuka satu cawangan di Kawasan Perindustrian Gong Badak, Kuala Nerus dan satu lagi di bandar Marang. Mereka juga meluaskan skop perniagaan kepada perkhidmatan cucian yang lain seperti perkhidmatan cucian ke premis pelanggan yang merangkumi proses sanitasi, cucian karpet, longkang, potong rumput dan membasmi anai-anai. Selain itu perniagaan ini juga telah mendapat kontrak mencuci kenderaan jabatan kerajaan.

Berikut merupakan maklumat jualan bersih, untung bersih dan pekerja Haziq & Haiqal Cleaning Services.



Pekerja	Bilangan
Pengurusan	2 orang
Staf Sokongan	9 orang
Pekerja Operasi	45 orang

En. Haziq mengemukakan cadangan untuk menambah bilangan pekerja operasi kepada 70 orang. Namun cadangan ini telah tidak dipersetujui oleh En. Haikal. En. Haziq terus berusaha untuk meyakinkan En. Haikal.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan berikut:

- (a) Mengapakah Encik Haziq dan Encik Haiqal memilih jenis pemilikan di atas? [4 markah]
- (b) Terangkan prosedur mengurus sumber fizikal perniagaan yang dijalankan oleh Haziq & Haiqal Cleaning Services. [4 markah]
- (c) Jelaskan kelebihan saiz perniagaan di atas. [4 markah]
- (d) Kirakan peratus margin untung bersih Haziq & Haiqal Cleaning Services bagi tahun 2020. [3 markah]
- (e) Kemukakan cadangan kepada En. Haikal supaya ia bersetuju dengan cadangan En. Haziq. [5 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT